



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (02 MEI 2022)

1. LAPORAN MINGGUAN

A. JUMLAH KES COVID-19

MINGGU EPID.	MINGGU EPID. 16	MINGGU EPID. 17
JUMLAH KES BAHARU COVID-19	937	610
JUMLAH KUMULATIF KES COVID-19	304,708	305,318
KATEGORI KLINIKAL 1 & 2	924	506
KATEGORI KLINIKAL 3, 4 & 5	13	4

B. PECAHAN KES COVID-19 BAHARU MENGIKUT DAERAH

BIL.	DAERAH	MINGGU EPID	
		16	17
1	Kuching	255	186
2	Miri	152	74
3	Bintulu	136	94
4	Sibu	103	77
5	Samarahan	46	38
6	Serian	28	18
7	Limbang	18	15
8	Mukah	17	10
9	Sarikei	15	6
10	Sri Aman	15	9
11	Asajaya	15	5
12	Bau	14	7
13	Subis	12	6
14	Betong	9	7
15	Pusa	9	1
16	Simunjan	8	8
17	Lubok Antu	8	4
18	Kanowit	7	2
19	Dalat	7	2
20	Matu	6	5

BIL.	DAERAH	MINGGU EPID	
		16	17
21	Lundu	5	3
22	Daro	5	0
23	Julau	5	6
24	Kapit	4	4
25	Saratok	4	4
26	Selangau	4	1
27	Lawas	4	3
28	Pakan	4	2
29	Kabong	3	3
30	Tebedu	3	3
31	Tatau	3	2
32	Beluru	3	0
33	Sebauh	3	1
34	Marudi	2	0
35	Meradong	2	4
36	Telang Usan	2	0
37	Belaga	1	0
38	Song	0	0
39	Tanjung Manis	0	0
40	Bukit Mabong	0	0

C. KES KEMATIAN COVID-19 MENGIKUT BAHAGIAN DAN MINGGU EPID

BIL.	BAHAGIAN	MINGGU EPID	
		16	17
1	Kuching	3	1
2	Samarahan	0	0
3	Serian	1	0
4	Sri Aman	0	0
5	Betong	0	0
6	Sarikei	0	0

BIL.	BAHAGIAN	MINGGU EPID	
		16	17
7	Sibu	0	0
8	Kapit	0	0
9	Mukah	0	0
10	Bintulu	0	0
11	Miri	1	0
12	Limbang	0	0

2. MAKLUMAN DARI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI

RAIKAN AIDILFITRI DENGAN SELAMAT

Sambutan Syawal kali ini merupakan satu rahmat untuk kita meraikannya bersama keluarga, sanak saudara, dan sahabat handai setelah dua tahun bergelut dengan pandemik COVID-19. Meskipun telah berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik, perlu diingatkan bahawa COVID-19 masih lagi menjadi musuh utama dan usaha memerangi COVID-19 masih berterusan.

JPBNS turut ingin mengingatkan bahawa individu yang tidak bergejala berkemungkinan menjadi pembawa virus COVID-19. Oleh yang demikian, masyarakat digalakkan untuk melakukan ujian sendiri sebelum pulang ke kampung untuk beraya. Walaupun pemakaian pelitup muka di kawasan luar bangunan tidak diwajibkan lagi, namun orang ramai dinasihatkan supaya memakai pelitup muka di kawasan sesak bagi melindungi golongan yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak dari dijangkiti COVID-19.

Selain itu, JPBNS juga ingin menasihatkan orang ramai untuk mendapat rehat yang cukup sebelum memulakan perjalanan. Pandu dengan cermat dan tenang, kawal perasaan marah dan wujudkan suasana harmoni bersama keluarga semasa dalam kenderaan. Singgah di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) untuk mengurangkan stress dan gangguan emosi. Semoga anda semua selamat tiba ke destinasi masing-masing serta dapat menyambut Aidilfitri yang mulia ini dengan meriah dan selamat bersama keluarga tercinta.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

02 MEI 2022

6.00 PETANG